



21 JUN, 2025

Jangan abai 'petua' penting bila beli barang elektrik

Utusan Malaysia, Malaysia



Jangan abai 'petua' penting bila beli barang elektrik

PENGGUNA mesti sentiasa berwaspada apabila membeli atau menggunakan peralatan elektrik. Keselamatan harus menjadi keutamaan kerana produk yang rosak boleh menimbulkan risiko serius.

Maka, pengguna perlu pastikan produk elektrik dan elektronik diperakui Sirim Berhad (Sirim) atau diluluskan oleh piawaian antarabangsa lain yang diiktiraf.

Insiden remaja berusia 18 tahun terkena renjatan elektrik semasa mengecas telefon bimbit menggunakan soket dalam bas menekankan keperluan untuk penguatkuasaan yang lebih ketat bagi melindungi penumpang.

Pengguna perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan supaya tidak menjadi mangsa kemalangan melibatkan elektrik. Antaranya:

PRODUK YANG DILULUSKAN SIRIM

Pensijilan Sirim memastikan produk memenuhi standard keselamatan dan kualiti Malaysia. Perkakas rumah seperti peti sejuk, ketuhar gelombang mikro, cerek, peralatan lampu, kord sambungan dan penyesuai mesti mempunyai kelulusan sebelum dijual secara sah.

BELI DARIPADA PENGEDAR SAH

Elakkan membeli daripada penjual yang tidak disahkan kerana produk berkenaan mungkin tidak mematuhi peraturan keselamatan.

BANDINGKAN JENAMA DAN MODEL

Dapatkan maklumat tentang model terkini dan ciri-cirinya. Bandingkan jenama, spesifikasi dan harga sebelum membuat keputusan untuk membeli.

BACA DOKUMENTASI PRODUK

Semak buku kecil atau risalah untuk memahami ciri-ciri perkakas, arahan keselamatan dan syarat jaminan.

BERHATI-HATI DENGAN DISKAUN

Item diskauan atau pelepasan mungkin mempunyai kecacatan, calar atau telah digunakan sebagai unit paparan. Periksa dengan teliti sebelum membeli.

SEMAK JAMINAN DAN PERKHIDMATAN SELENGGARA

Ambil tahu tentang jaminan atau tempohnya. Ketahui di mana dan bagaimana perkakas boleh diselenggara jika rosak.

PEMASANGAN

Periksa sama ada harga termasuk penghantaran, pemasangan dan perkhidmatan. Pilih produk dengan sokongan selepas jualan yang boleh dipercayai.

GUNAKAN PEMASANGAN BERLESEN

Sentiasa mengupah profesional terlatih untuk pemasangan peralatan yang memerlukan voltan atau tetapan keselamatan tertentu. Memasang sendiri tanpa ilmu boleh mengundang bahaya.

BULBIR SINGH

Bekas Presiden Persatuan Pengguna Negeri Sembilan